



NST 24.10.2019 1

**SUMBANGAN ...** Penasihat Yayasan Nur Jauhar Toh Puan Norlidah R.M Jasni menyampaikan cek sumbangan Yayasan Nur Jauhar kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin (kiri) untuk Tabung Kebajikan Pelajar UMS bernilai RM10,000 sempena Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Bantuan Kebajikan Pelajar Baharu UMS di universiti itu kelmarin. - Berita lanjut lihat Muka 3.

## 200 pelajar B40 UMS terima bantuan kebajikan

NST 24.10.2019 3

**KOTA KINABALU:** Seramai 200 pelajar B40 Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan bantuan kebajikan sebanyak RM200 setiap orang.

Sumbangan tersebut melibatkan peruntukan sebanyak RM40,000 daripada Tabung Kebajikan Pelajar.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk CHM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata pihak universiti sentiasa berusaha dalam membantu meringankan beban yang dipikul oleh pelajar-pelajar melalui bantuan kebajikan kepada mereka yang memerlukan.

"Peluang yang diperoleh untuk menyambung pengajian ke peringkat universiti perlu digunakan sebagai landasan untuk memperbaiki diri dan keluarga.

"Saya berharap, para pelajar yang menerima tawaran untuk menyambung pengajian, memanfaatkan peluang yang diberi dan tidak menjadikan kemiskinan keluarga sebagai alasan untuk tidak meneruskan pengajian,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir semasa Majlis Beramah Mesra dan Penyampaian Bantuan Kebajikan Pelajar Baharu B40 Tahun 1 Sesi 2019/2020 Universiti Malaysia Sabah di sini kelmarin.

Menurut Taufiq, UMS telah berjaya melaksanakan program mekanisme mod kemasukan pelajar baharu bagi isi rumah B40 terendah melalui Program Meniti UMS.

"Kita menawarkan pengajian kepada 178 pelajar B40 baharu untuk sesi ambilan 2019/2020 yang terdiri daripada



**SAMPAIKAN ...** Norlidah (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.

golongan sasar seluruh negeri dan mereka ditawarkan pelbagai program dalam tiga fakulti iaitu Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) dan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP).

"Daripada jumlah ini, seramai 149 orang pelajar telah menerima tawaran tersebut dan menyambung pengajian melalui Program Meniti UMS bagi sesi pendaftaran baru-baru ini,"katanya.

Majlis penyampaian sumbangan itu telah disempurnakan oleh Penasihat

Yayasan Nur Jauhar Toh Puan Dr. Norlidah RM Jasni.

Hadir sama semasa majlis tersebut ialah Ahli Pengerusi Lembaga Pengarah UMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pelajar Datin Nurlila Said dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Madya TS Dr. Ramzah Dambul.

Turut berlangsung sesi penyerahan sumbangan daripada Tabung Yayasan Nur Jauhar sebanyak RM10,000 kepada Tabung Kebajikan Pelajar UMS. -Oleh: **NOOR ZAFIRA SHAFIE**